

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 3 (4)

29 Mac 2023  
07 Ramadhan 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.19/2023

### PEMUSATAN PENTADBIRAN DAN PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR PENTADBIRAN JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UTM KUALA LUMPUR

Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.2/2023 bertarikh 24 Januari 2023 telah bersetuju meluluskan cadangan pemusatan pentadbiran dan penyusunan semula struktur pentadbiran Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM Kuala Lumpur.


2. Objektif cadangan pemusatan pentadbiran dan penyusunan semula struktur pentadbiran Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM Kuala Lumpur adalah seperti berikut :

- a. Memperkasa Jabatan TNC (A&A) UTM KL selaras dengan fungsi dan peranan yang akan dipertanggungjawabkan agar ianya kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- b. Pemantauan secara komprehensif bagi urusan PSM, pentadbiran, IT dan kewangan kesemua PTJ yang berada di bawah Jabatan TNC (A&A) UTM KL dapat dilakukan untuk memastikan keputusan dapat dibuat secara tuntas.
- c. Penggunaan sumber manusia secara optimum dan maksima supaya budaya kerja yang progresif dan berintegriti tinggi di kalangan staf dapat terapkan agar sentiasa berpaksikan nilai-nilai ISES yang utuh demi menjaga kerahsiaan Universiti.

3. Pemusatan pentadbiran dan penyusunan semula struktur pentadbiran Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM Kuala Lumpur melibatkan perkara-perkara berikut:

- a. Pewujudan satu (1) jawatan Pentadbir Akademik bagi jawatan Pengarah Pentadbiran yang dilantik dari salah seorang Pentadbir Akademik PTJ sedia ada di bawah Jabatan TNC (A&A) UTM KL. Pengarah Pentadbiran ini akan mengetuai dan bertanggungjawab menyelia tadbir urus pentadbiran keseluruhan Jabatan TNC (A&A) UTM KL di samping menjalankan tugas hakiki jawatan asal beliau.
- b. Kod PTJ Jabatan TNC (A&A) UTM KL diwujudkan dan digunapakai secara seragam oleh semua PTJ yang berada di bawahnya termasuk pertukaran no. vot / chargeline dan rekod fail jabatan yang terlibat.

4. Struktur organisasi baharu Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM Kuala Lumpur adalah seperti berikut :



5. Pemusatan pentadbiran dan penyusunan semula struktur pentadbiran Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM Kuala Lumpur berkuat kuasa mulai **1 Mac 2023**. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah